

Newspaper	Harakah
Date	11/3/2012

Mohon maaf Najib hanya sandiwara tipu rakyat

Harakah - 11/3/2012

Oleh
WAN NORDIN WAN YAACOB

KUALA LUMPUR: Tindakan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak yang kononnya memohon maaf kepada rakyat dengan mengakui kesilapan mereka hanyalah satu lagi siri sandiwara menjelang musim pilihan raya umum ke-13.

Demikian kata Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu kepada *Harakah* pada 6 Mac lalu mengulas isu permohonan maaf Najib baru ini.

Walaupun bukan niat merendahkan permohonan maaf Najib itu, tetapi Mohamad Sabu melihat, ianya dilakukan hanya apabila negara hari ini akan berdepan dengan pilihan raya.

Pastinya Najib ada sebab yang kukuh berbuat demi-



Persoalan yang jauh lebih besar hari ini ialah rasuah, penyelewengan dan kemelut dalam pentadbiran kerajaan yang tidak boleh lagi diterima rakyat sebagai 'satu kesilapan biasa'.

MOHAMAD SABU

kian ketika ini yang tidak lain hanyalah untuk memancing undi dan dilihat sebagai seorang yang merendah diri, katanya.

Persoalan yang jauh lebih besar hari ini ialah rasuah, penyelewengan dan kemelut dalam pentadbiran kerajaan yang tidak boleh lagi diterima rakyat sebagai 'satu kesilapan bia-

sa', katanya.

Sejak negara merdeka, kerajaan hanya dipimpin Umno-BN dan Perikatan yang akhirnya menyaksikan orang Melayu terus melarat di bumi sendiri. Malah, ekonomi negara semakin hancur dijaminamkan oleh pemimpin Umno-BN yang hanya mementingkan kronisme, katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda PAS Pusat, Ustaz Nasrudin Hassan pula berkata, siri permohonan maaf yang dilakukan perdana menteri sejak akhir-akhir menunjukkan bahawa kerajaan mengakui kesilapan mereka dalam mentadbir negara.

Namun, kesilapan itu tidak boleh diselesaikan dengan meminta maaf sahaja,

tetapi perlu diiringi dengan "mengembalikan hak rakyat," kata Nasrudin.

"Macam orang yang curi motosikal kita, dia boleh minta maaf tapi dia kena pulangkan motosikal kita," tegasnya.

Beliau mengemukakan analogi itu ketika menyenaraikan "hak rakyat" yang perlu dikembalikan perdana menteri, antaranya bayaran royalti minyak di Kelantan dan Terengganu.

Selain itu, perdana menteri juga perlu mengembalikan hak mangsa yang ditahan di bawah ISA sebelum ini, katanya.

Tambahnya, Perdana Menteri juga tidak boleh lari daripada isu "rampasan kuasa ke atas kerajaan Perak" dan perlu mengembalikan pentadbiran kerajaan itu.